

**Najib jawab soalan Twitter, FB melalui Youtube  
Malaysiakini.com  
January 14, 2011**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah menyiarkan tiga video melalui lamanweb Youtube, sebagai respons kepada soalan-soalan yang dibangkitkan daripada orang ramai kepada akaun Twitter blog mikronya, Selasa lalu.

Sambil menyifatkan sesetengah soalan itu sebagai kelakar, Najib berkata, usaha itu telah memberikan beliau satu 'pandangan sebenar' mengenai cara rakyat Malaysia berfikir dan menggunakan media sosial.

"Ribuan terima kasih atas (respons) menggalakkan untuk sesi Twitter dan Facebook Selasa lalu. #tanyanajib merupakan kali kelima berhubung Twitter's Trending Topic di seluruh dunia.

"Saya teliti beberapa komen dalam tweets dan fb, dan ia sebenarnya benar-benar menarik. Sebenarnya sesetengahnya sangat kelakar," katanya melalui video yang disiarkan.

Perdana Menteri dalam jawapannya berhubung Talent Corporation, memberi jaminan bahawa bekerja di Malaysia adalah satu pilihan yang sangat baik memandangkan peluang-peluang yang disediakan menerusi projek permulaan (EPP) yang diumumkan dari semasa ke semasa di bawah pelan transformasi ekonomi negara (ETP).

Beliau berkata pelbagai usaha akan dijalankan bagi menarik keyakinan kepada mereka yang belum membuat keputusan sama ada bekerja di Malaysia atau luar negara

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/153465>